



Dar al-Suhyuni: Apabila Ulama Islam Menjadi Neo-Orientalis

Oleh: Syed Ahmad Fathi (fathi137@gmail.com)

Ketika artikel ini ditulis, angka korban di Gaza akibat dari jenayah genosida zionis sudah mencecah 50,810 orang.¹ Seramai 2.1 juta rakyat Gaza tidak menerima sebarang makanan, bekalan ubat-ubatan, dan bantuan kemanusiaan selama sebulan akibat dari kepungan yang dilakukan zionis Israel.² Selama 18 bulan, penduduk Gaza terus dibiarkan dibunuh, dibakar, dan dibom setiap hari. Negara-negara Arab dan negara-negara Islam tidak berbuat apa-apa kecuali beberapa negara iaitu Lubnan, Yaman, dan Iran. Walaupun tiga negara ini cuba membantu Gaza dengan bantuan ketenteraan, ia tidak berjaya menghentikan jenayah genosida di Gaza, sementara negara-negara lain tunduk ketakutan di bawah telunjuk imperialis Amerika Syarikat yang bersama-sama Israel membunuh anak-anak di Gaza.

Akhirnya pada 01 April 2025, Ali al-Qaradaghi yang mengetuai Kesatuan Ulama Islam Antarabangsa (IUMS) mengeluarkan fatwa keperluan jihad untuk mempertahankan umat Islam di Gaza.³ Al-Qaradaghi menyeru negara-negara Islam masuk campur secara ketenteraan, ekonomi, dan politik bagi menghentikan jenayah genosida yang berlangsung di Gaza selama 18 bulan. Beliau disokong oleh 14 ulama lain juga menyeru negara-negara Islam menilai semula perjanjian damai mereka dengan Israel. Fatwa ini antara lain menyebut:

“...Building upon our previous detailed fatwas since the beginning of this genocidal war, we reiterate that it is obligatory for all Muslims and Muslim nations to engage in jihad against the Zionist entity and all those collaborating with it in the occupied land—be they mercenaries or soldiers from any nation.

Military intervention, as well as supplying the mujahideen with weapons, expertise, and intelligence, is a binding duty—firstly upon the people of Palestine, then the neighboring countries (Egypt, Jordan, and Lebanon), followed by all Arab and

¹ Angka dari Kementerian Kesihatan Gaza pada 08 April 2025.

² Menurut UN Office for the Coordination of Humanitarian Affairs (OCHA) pada 08 April 2025. Pautan: <https://x.com/UNOCHA/status/1909311129924313449>

³ “Muslim scholars issue 'fatwa' calling for 'jihad' against Israel as strikes pummel Gaza”. *Middle East Eye*, 04 April 2025. Pautan: <https://www.middleeasteye.net/news/muslim-scholars-issue-fatwa-calling-jihad-against-israel-strikes-pummel-gaza>

Muslim nations. Jihad against the occupation is an individual obligation (fard 'ayn) upon every capable Muslim.

It is likewise the duty of Muslim governments to intervene immediately—militarily, economically, and politically—to stop this genocide. Abandoning Gaza during its annihilation is a grave sin.

... The Committee rules that it is obligatory for Muslim and Arab states to form a unified military alliance to defend Islamic lands and safeguard their religion, lives, wealth, sovereignty, and honor. This obligation is urgent and must not be delayed, as delay leads to corruption and widespread fitnah.”⁴

Fatwa jihad ini telah disokong penuh oleh Majlis Ulama Indonesia (MUI), ketua hubungan luar negerinya, Sudarnoto Abdul Hakim menyatakan bahawa fatwa yang dikeluarkan oleh IUMS untuk jihad melawan Israel harus didukung secara meluas. Beliau berkata:

“Khususnya oleh dunia Islam dalam melawan sekaligus menundukkan Israel, sekaligus mewujudkan kemerdekaan Palestina. Kita tidak boleh membiarkan pembunuhan dan penghancuran besar-besaran yang dilakukan oleh teroris terbesar abad ini yaitu Israel dan didukung oleh Amerika terus menerus dilakukan... Menyaksikan dukungan kuat Amerika terhadap kejahatan Israel ini, diserukan terutama kepada negara-negara Muslim untuk mempertimbangkan ulang kehadiran/keberadaan kedutaan besar Amerika di negara-negara Muslim”.⁵

Kedua-dua fatwa ini merupakan perkembangan yang sangat baik kerana ia menunjukkan satu urgensi kepada umat Islam bagi menghentikan jenayah genosida di Gaza. Selama 18 bulan, umat Islam menyaksikan negara-negara Islam tidak dapat berbuat apa-apa. Maka pandangan ulama-ulama ini adalah benar, kerana sekian lama *ulil amri* itu diberikan peluang untuk menyelesaikan masalah umat tetapi tidak berjaya. Maka mereka mengeluarkan fatwa bagi membuka pintu lain agar nyawa umat Islam di Gaza dapat diselamatkan. Moga Allah merahmati usaha dan pemikiran ulama-ulama ini, mereka merupakan penyambung suara kebebasan bagi umat dalam sejarah perjuangan mereka yang panjang.

Respon dari Malaysia pula agak mengecewakan dan memperlihatkan ketiadaan urgensi dalam keadaan yang sangat genting ini. Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Mohd Na'im Mokhtar menyatakan perbincangan khas Muzakarah Majlis Hal Ehwal Islam Kebangsaan (MKI) akan diadakan dalam meneliti fatwa IUMS.⁶ Bayangkan selepas 50,810 jiwa umat dibunuh, perbincangan masih belum selesai.

⁴ Fatwa penuh bertajuk “Fatwa of the Committee for Ijtihad and Fatwa at the International Union of Muslim Scholars regarding “The Ongoing Aggression on Gaza and the Suspension of the Ceasefire”” oleh *International Union of Muslim Scholars* pada 01 April 2025 boleh dirujuk di pautan: <https://iumsonline.org/en/ContentDetails.aspx?ID=38846>

⁵ Dede Bustomi. “MUI Berikan Dukungan Terhadap Fatwa Jihad Melawan Israel IUMS”. *Kabar Nusa 24*, 08 April 2025. Pautan: <https://kabarnusa24.com/2025/04/08/mui-berikan-dukungan-terhadap-fatwa-jihad-melawan-israel-iums/>

⁶ “Muzakarah MKI akan teliti fatwa ulama sedunia mengenai pencerobohan di Gaza”. *Astro Awani*, 07 April 2025. Pautan: <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/muzakarah-mki-akan-teliti-fatwa-ulama-sedunia-mengenai-pencerobohan-di-gaza-515422>

Ulama Pro-Zionis dan Neo-Orientalis

Namun tidak semua ulama itu ikhlas dan mahu melihat umat Islam diselamatkan dan dibebaskan. Apa yang paling mengecewakan adalah penolakan fatwa ini oleh ulama dari Dar al-Iftha al-Misriyyah yang menyatakan:

“Tidak ada mana-mana individu atau kumpulan yang berhak mengeluarkan fatwa atau menyeru kepada jihad bersenjata tanpa autoriti dan ilmu yang sah... sokongan itu mesti diberikan dalam bentuk yang membawa manfaat sebenar kepada mereka. Bukan dalam bentuk tindakan tergesa-gesa yang akhirnya hanya menambahkan penderitaan rakyat Palestin sendiri”.⁷

Bayangkan selepas 50,810 jiwa umat Islam dibunuh, panggilan untuk berjuang menyelamatkan mereka dikatakan “tergesa-gesa”. Kegilaan apakah ini? Benarkah mereka ini ulama? Mufti Mesir, Nazir Ayyad mengatakan fatwa IUMS tersebut “tidak bertanggungjawab”.⁸ Kenyataan Mufti Mesir yang menyokong zionis ini tentulah menggembirakan pihak zionis. Ahli politik zionis Israel, Ayoob Kara, yang merupakan ahli kepada Parti Likud (parti yang sama dengan Benjamin Netanyahu) telah memuji kenyataan Mufti Mesir ini. Kara menulis di laman media sosial rasminya:

*“The Egyptian Mufti's remarks against the "World Association of Muslim Scholars" based in Qatar are welcome and logical...”*⁹

Maka di sini jelas menunjukkan ulama Mesir ini merupakan ulama pro-zionis. Fatwanya menyebelahi projek kolonial zionis. Adakah selepas 50,810 jiwa umat Islam dibunuh ulama-ulama ini masih hanya menyeru kita untuk qunut dan berdoa? Jika inilah pemikiran mereka, tidak hairanlah umat Islam hilang khilafahnya. Pada pandangan saya, debu di Gaza itu lebih mulia dari mufti dan ulama seperti ini, debu di Gaza juga lebih mulia dari fatwa dan pena pro-zionis mereka. Kalau beginilah fatwanya, alangkah lebih bagus jika namanya ditukar kepada “Dar al-Suhyuni”. Dunia Islam hari ini menyaksikan bahawa bukan pemimpin-pemimpin mereka sahaja menjadi talibarut dan penakut, golongan ulama dan intelektual mereka juga merupakan talibarut dan golongan penakut. Pemimpin Islam yang korup itu lahir dari pena pengecut ulama yang membenarkannya.

Selama ini, umat Islam dimomokkan bahawa jihad mempertahankan diri itu sesuatu yang buruk. Golongan yang berjihad ditulis oleh para orientalis dan sekutu mereka dalam media Barat sebagai golongan yang ekstrimis, teroris dan pengganas. Kini, kita tidak memerlukan lagi para orientalis, kerana peranan mereka telah diambil oleh ulama Islam sendiri. Mereka menakutkan umat dan menghalang mereka dari berjihad. Ulama seperti ini telah menjadi neo-orientalis.

⁷ Khadijah Mohamad Nor. “Jihad ke bumi Palestin: Seruan perlu disandarkan kepada ilmu, autoriti sah”. *Malaysia Tribune*, 07 April 2025. Pautan: <https://malaysiatribune.news/agama/jihad-ke-bumi-palestin-seruan-perlu-disandarkan-kepada-ilmu-autoriti-sah/>

⁸ “Egypt’s grand mufti rejects fatwa for jihad against Israel as ‘irresponsible’”. *Middle East Eye*, 08 April 2025. Pautan: <https://www.middleeasteye.net/news/egypts-mufti-opposes-calls-armed-jihad-against-israel>

⁹ Laman Facebook rasmi איווב קרא - Ayoob kara dalam hantaran bertarikh 08 April 2025. Pautan: <https://www.facebook.com/photo?fbid=1183836096440533&set=a.482046996619450>

Seperti juga dalam sejarah umat Islam yang panjang. Di dalam masyarakat Islam sendiri pasti ada suara-suara sumbang golongan yang tidak berguna. Hari ini misalnya kita membaca penulisan sumbang yang berbunyi:

“Tertarik dengan banyak status yang berkobar-kobar untuk berjihad dan menyalahkan orang lain itu dan ini... Soal gw.. Kenapa anda tidak pergi terus? Kenapa masih nak menunggu orang lain dan menyalahkan orang lain yang pengecut.”¹⁰

Pada pandangan saya memang betul mereka yang menyokong jihad mempertahankan saudara di Palestin itu pengecut andai mereka menyokong sahaja dan tidak pergi ke sana. Tetapi suara sumbang seperti ini adalah dua kali ganda lebih pengecut. Berjuang pun tidak berani, menyokong perjuangan pun tidak berani. Bagi saya, suara sumbang seperti ini tidak relevan pun, kerja mereka seharian pun hanya menonton Netflix dan mengulas filem sahaja. Tidak ada apa yang boleh diharapkan sangat.

Maka kesimpulannya, langkah pertama dalam membuang sifat pengecut dalam diri umat ini adalah mengeluarkan fatwa jihad yang jelas. Semua badan fatwa dalam dunia perlu menyokongnya. Selepas itu, umat Islam perlu merancang dan bekerjasama bagaimana untuk melaksanakannya bersama-sama. Kerajaan-kerajaan Islam perlu digerakkan dan didesak bagi menjayakan gerakan pembebasan ini. Masa untuk mengeluarkan kenyataan-kenyataan sudah lama berlalu. Kita perlu bertindak segera, membuka kepungan di Gaza dan membebaskan Palestin dari penjajahan yang sudah berlangsung selama seratus tahun.

¹⁰ Status sumbang yang ditulis di laman Facebook pada 09 April 2025.